

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Pada 4 November 2023, beberapa guru Bahasa Melayu cemerlang bakal menerima Anugerah Guru Arif Budiman (Agab). Anugerah tersebut mengiktiraf sumbangan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Selama tujuh minggu, BERITA HARIAN akan menetengahkan tulisan sumbangan beberapa guru yang pernah menerima Agab dalam ruangan Bahasa & Budaya. Hasil karya mereka merangkumi pelbagai topik daripada cara menerapkan penggunaan bahasa sehinggalah masakan tradisional orang Melayu. Agab dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Laman terjemah pemerintah perkara pengguna dalam mengalih bahasa

► CIKGU SAZALI SAHRI

Dalam dunia pendidikan, penterjemahan menjadi jambatan perantara bagi membolehkan pelajar untuk memahami sesuatu karya dengan lebih tepat.

Bagaimanapun, ramai pelajar dan guru yang tidak mengetahui teknik serta peranti terbaik yang boleh digunakan untuk menterjemahkan sesuatu karya.

Saya pernah menyertai Bengkel Penterjemahan anjuran Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI) dan Kementerian Pendidikan (MOE).

Ramai yang tidak tahu tentang kewujudan unit penterjemahan bahasa Melayu di MCI yang dikhususkan untuk menterjemahkan bahan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dan sebaliknya.

Guru-guru yang menghadiri bengkel penterjemahan anjuran MCI memperoleh pendedahan tentang laman 'SG Translate Together' yang sesuai digunakan oleh guru-guru bahasa Melayu di Singapura.

"Sebelum ini, kami hanya tahu tentang laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) yang dikelola oleh Dewan Bahasa Pustaka Malaysia.

Namun, portal 'SG Translate Together' boleh menjadi peranti tambahan yang berguna kerana

peranti ini dihasilkan berdasarkan konteks Singapura dan menggunakan istilah dalam konteks sosioekonomi dan pentadbiran di Singapura.

"Justeru, peranti ini merupakan satu wahana yang sangat diperlukan oleh masyarakat Singapura," kata Cikgu Abdul Malek Ahmad, salah seorang guru peserta di bengkel itu.

Penterjemahan bukan hanya penting dalam bidang pendidikan. Pelbagai cabang pekerjaan yang lain juga memerlukan khidmat penterjemahan.

Memandangkan adanya permintaan yang tinggi dalam kepakaran ini, maka MCI menyediakan biasiswa untuk para pelajar mendalami bidang penterjemahan.

MCI menyediakan biasiswa dalam dan luar negara untuk mereka yang berminat mendapatkan ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang penterjemahan.

Seseorang yang mempunyai minat dan kelayakan dalam pendidikan Bahasa Melayu tidak semestinya menyertai kerjaya dalam bidang perguruan, penulisan atau media sahaja.

PENTERJEMAHAN MERUPAKAN SATU BIDANG YANG BOLEH DITEROKAI

Sebagai penterjemah bertauliah, anda mungkin berpeluang untuk bekerja di sisi tokoh-tokoh

ahli politik apabila mereka memerlukan khidmat penterjemahan teks ke dalam bahasa Melayu di sidang tempatan mahupun antarabangsa.

Jelaslah, peranan bahasa Melayu dalam bidang pengurusan pentadbiran negara penting dan relevan.

Negara kita memerlukan pakar yang dapat melakukan tugas-tugas penterjemahan dengan cekap dan berkesan.

Malahan, penterjemah profesional juga diperlukan di Mahkamah Tinggi Singapura, perjumpaan kabinet dan sebagainya.

Dengan peluang sebegini, anda mampu menjadi penterjemah kepada sektor pemerintah di Singapura.

Saya melihat bengkel penterjemahan itu sebagai langkah proaktif untuk meraih banyak manfaat demi kepentingan masa hadapan para pelajar dan guru-guru.

Bengkel penterjemahan anjuran MCI dan MOE ini ialah sebuah bengkel penterjemahan kedua yang pernah saya sertai.

Kali ini, lebih banyak peranti terjemahan yang menarik telah dikongsikan kepada para peserta.

Saya juga berbesar hati dapat mengenali staf serta pegawai khusus yang ditugaskan dalam bidang penterjemahan di MCI.



BIODATA PENULIS

Cikgu Sazali Sahri kini bertugas sebagai Guru Kanan (Bahasa Melayu) di Institusi Raffles sejak 2020. Beliau merupakan penerima Anugerah Guru Arif Budiman (Agab) 2008. Beliau juga merupakan Pengerusi kepada Kumpulan Kerja Agab. – Foto AGAB

"Sebagai penterjemah bertauliah, anda mungkin berpeluang untuk bekerja di sisi tokoh-tokoh ahli politik apabila mereka memerlukan khidmat penterjemahan teks ke dalam bahasa Melayu di sidang tempatan mahupun antarabangsa.

Jelaslah, peranan bahasa Melayu dalam bidang pengurusan pentadbiran negara penting dan relevan.

Negara kita memerlukan pakar yang dapat melakukan tugas-tugas penterjemahan dengan cekap dan berkesan.

Malahan, penterjemah profesional juga diperlukan di Mahkamah Tinggi Singapura, perjumpaan kabinet dan sebagainya."

– Penulis.